



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PINJAMAN SABAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2014**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PINJAMAN SABAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Perbadanan Pinjaman Sabah dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Pemegang Syer serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan*

Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Tubuh No. 22 tahun 1981. Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi

bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persempahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Pinjaman Sabah dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Pinjaman Sabah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain**

Selaras dengan keperluan Enakmen Perbadanan No. 22/1981, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 52 (1) (a) Enakmen tersebut.



( ZAABA BIN ZAINUDDIN )  
b.p KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

KOTA KINABALU  
25 Mac 2015



**PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

**PENYATA KEWANGAN**

***Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014***

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **PENYATA AHLI PERBADANAN**

---

**PENGERUSI** YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN (dilantik pada 1 Januari 2014)

**TIMBALAN PENGERUSI** DATUK MOHAMAD BIN JAFRY (dilantik pada 1 Januari 2014)

**AHLI EX-OFFICIO** DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR (dilantik pada 1 Januari 2014)  
ENCIK MULUK SAMAD (dilantik pada 1 Januari 2014)  
DATUK OSMAN JAMAL (dilantik pada 1 Januari 2014)  
ENCIK IDRUS SHAFIE (dilantik pada 1 Januari 2014)

**AHLI** ENCIK MARZUKI HJ. SPAWI, JP (dilantik pada 1 Januari 2014)  
ENCIK ZAMANI HJ. BASRI (dilantik pada 1 Januari 2014)  
DATUK PETER ATHANASIUS (dilantik pada 1 Januari 2014)  
IR. SHAHELMAY BIN YAHYA (dilantik pada 1 Januari 2014)  
ENCIK RASKAN ASING (dilantik pada 1 Januari 2014)

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/  
SETIAUSAHA** DATUK VINCENT PUNG YEE KIONG

**ALAMAT** WISMA PERBADANAN PINJAMAN SABAH,  
PEKAN BARU DONGGONGON,  
PENAMPANG,  
88805 KOTA KINABALU, SABAH.

**BANK** AMBANK BERHAD  
ALLIANCE BANK BERHAD  
CIMB BANK BERHAD  
MALAYAN BANKING BERHAD  
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD  
HSBC BANK MALAYSIA BERHAD  
STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD  
PUBLIC BANK BERHAD  
AMISLAMIC BANK BERHAD  
ALLIANCE ISLAMIC BANK BERHAD  
PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD  
MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD

## **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)


### **PENYATA AHLI PERBADANAN**

---

Pada pendapat kami, penyata kewangan pada muka surat 4 hingga 39 telah disediakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Ordinan Perbadanan Pinjaman, 1955 seperti dipinda dan menurut piawaian perakaunan yang diiktiraf di Malaysia untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah pada **31 Disember 2014** dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

### **DITANDATANGANI BAGI PIHAK PERBADANAN,**

  
**YB Datuk Linda Tsen Thau Lin**  
Pengerusi

  
**Datuk Vincent Pung Yee Kiong**  
Ahli

Tarikh: **04 MAR 2015**

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **SURAT SUMPAH PEGAWAI KEWANGAN**

---

Saya, **CHOW SIEW PING@PATRICIA CHOW**, pengurus yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**, dengan tulus ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 4 hingga 39 , adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diisyitharkan dan diikrarkan oleh  
Penama di atas **CHOW SIEW**  
**PING@PATRICIA CHOW** di Kota  
Kinabalu di dalam Negeri Sabah  
pada **04 MAR 2015**

  
**CHOW SIEW PING@PATRICIA CHOW**

Di hadapan saya,



Lot 47, First Floor  
Block G, Donggongon Square  
Bandar Donggongon  
89507 Penampang, Sabah

# PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

ASET	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	5	38,724,692	43,828,607	38,724,692	43,828,607
Pelaburan dalam entiti kawalan bersama	6	6,905,575	11,779,721	8,123,199	8,123,199
		45,630,267	55,608,328	46,847,891	51,951,806
<b>ASET SEMASA</b>					
Pelbagai penerimaan	7	9,325,871	936,159	9,325,871	936,159
Pelaburan	8	31,744,810	73,975,132	31,744,810	73,975,132
Deposit	9	5,635,227	19,086,114	5,635,227	19,086,114
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman	10	2,195,374,457	2,000,363,151	2,195,374,457	2,000,363,151
Wang tunai dan baki di bank		21,876,660	29,383,354	21,876,660	29,383,354
Aset cukai semasa		-	1,957,989	-	1,957,989
		2,263,957,025	2,125,701,899	2,263,957,025	2,125,701,899
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>2,309,587,292</b>	<b>2,181,310,227</b>	<b>2,310,804,916</b>	<b>2,177,653,705</b>
<b>LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SYER</b>					
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>					
Peminjaman	11	1,835,360,390	1,752,416,265	1,835,360,390	1,752,416,265
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pelbagai belum bayar dan akruan	12	45,195,397	45,784,319	45,195,397	45,784,319
Liabiliti cukai semasa		151,735	-	151,735	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>1,880,707,522</b>	<b>1,798,200,584</b>	<b>1,880,707,522</b>	<b>1,798,200,584</b>
Modal syer	13	200,000,000	182,000,000	200,000,000	182,000,000
Dana rizab tidak boleh diagihkan	14	638,142	553,432	638,142	553,432
Dana terkumpul	15	228,241,628	200,556,211	229,459,252	196,899,689
<b>JUMLAH EKUITI PEMEGANG SYER</b>		<b>428,879,770</b>	<b>383,109,643</b>	<b>430,097,394</b>	<b>379,453,121</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SYER</b>		<b>2,309,587,292</b>	<b>2,181,310,227</b>	<b>2,310,804,916</b>	<b>2,177,653,705</b>

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	Nota	<b>Kumpulan</b>		<b>Perbadanan</b>	
		2014 RM	2013 RM	2014 RM	2013 RM
Pendapatan faedah	16	187,265,611	156,835,682	187,265,611	156,835,682
Perbelanjaan faedah	17	(65,879,758)	(57,405,987)	(65,879,758)	(57,405,987)
<b>PENDAPATAN FAEDAH BERSIH</b>		<b>121,385,853</b>	<b>99,429,695</b>	<b>121,385,853</b>	<b>99,429,695</b>
Pendapatan bukan faedah	18	13,769,784	26,140,461	13,769,784	26,140,461
Perbelanjaan bukan faedah	19	(22,444,819)	(18,486,765)	(22,444,819)	(18,486,765)
<b>JUMLAH PENDAPATAN BERSIH</b>		<b>112,710,818</b>	<b>107,083,391</b>	<b>112,710,818</b>	<b>107,083,391</b>
Perbelanjaan operasi	20	(38,873,191)	(40,235,073)	(38,873,191)	(40,235,073)
Bahagian keuntungan dari entiti kawalan bersama		(2,754,443)	1,954,691	-	-
<b>LEBIHAN SEBELUM CUKAI</b>		<b>71,083,184</b>	<b>68,803,009</b>	<b>73,837,627</b>	<b>66,848,318</b>
Perbelanjaan cukai					
- Perbadanan	21	(21,677,992)	(24,526,517)	(21,677,992)	(24,526,517)
- Entiti kawalan bersama		199,885	(181,770)	-	-
<b>LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN</b>		<b>49,605,077</b>	<b>44,094,722</b>	<b>52,159,635</b>	<b>42,321,801</b>

# PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI PEMEGANG SYER BAGI TAHUN 31 DISEMBER 2014

### Kumpulan

	Modal Syer RM	Dana Rizab tidak boleh diagihkan RM	Dana Terkumpul RM	Jumlah RM
<b>2014</b>				
<b>PADA 1 JANUARI 2014</b>	182,000,000	553,431	200,556,211	383,109,642
Pelarasan bagi tahun lepas (Nota 22)	-	-	(1,834,949)	(1,834,949)
<b>PADA 1 JANUARI 2014 DINYATAKAN SEMULA</b>	182,000,000	553,431	198,721,262	381,274,693
Diterbit pada tahun semasa	18,000,000	-	-	18,000,000
Lebihan bersih bagi tahun kewangan	-	-	49,605,077	49,605,077
Pindaan ke dana rizab	-	84,711	(84,711)	
Dividen (Nota 23)	-	-	(20,000,000)	(20,000,000)
<b>PADA 31 DISEMBER 2014</b>	<b>200,000,000</b>	<b>638,142</b>	<b>228,241,628</b>	<b>428,879,770</b>
<b>2013</b>				
<b>PADA 1 JANUARI 2013</b>	165,000,000	461,432	175,553,488	341,014,920
Diterbit pada tahun semasa	17,000,000	-	-	17,000,000
Lebihan bersih bagi tahun Kewangan (Nota 22)	-		44,094,722	44,094,722
Pindaan ke dana rizab	-	91,999	(91,999)	-
Dividen (Nota 23)	-	-	(19,000,000)	(19,000,000)
<b>PADA 31 DISEMBER 2013</b>	<b>182,000,000</b>	<b>553,431</b>	<b>200,556,211</b>	<b>383,109,642</b>

### Perbadanan

	Modal Syer RM	Dana Rizab tidak boleh diagihkan RM	Dana Terkumpul RM	Jumlah RM
<b>2014</b>				
<b>PADA 1 JANUARI 2014</b>	182,000,000	553,431	196,899,690	379,453,121
Pelarasan bagi tahun lepas (Nota 22)	-	-	484,638	484,638
<b>PADA 1 JANUARI 2014 DINYATAKAN SEMULA</b>	182,000,000	553,431	197,384,328	379,937,759
Diterbit pada tahun semasa	18,000,000	-	-	18,000,000
Lebihan bersih bagi tahun kewangan	-	-	52,159,635	52,159,635
Pindaan ke dana rizab	-	84,711	(84,711)	-
Dividen (Nota 23)	-	-	(20,000,000)	(20,000,000)
<b>PADA 31 DISEMBER 2014</b>	<b>200,000,000</b>	<b>638,142</b>	<b>229,459,252</b>	<b>430,097,394</b>
<b>2013</b>				
<b>PADA 1 JANUARI 2013</b>	165,000,000	461,432	173,669,888	339,131,320
Diterbit pada tahun semasa	17,000,000	-	-	17,000,000
Lebihan bersih bagi tahun kewangan	-	-	42,321,801	42,321,801
Pindaan ke dana rizab	-	91,999	(91,999)	-
Dividen (Nota 23)	-	-	(19,000,000)	(19,000,000)
<b>PADA 31 DISEMBER 2013</b>	<b>182,000,000</b>	<b>553,431</b>	<b>196,899,690</b>	<b>379,453,121</b>

# PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Lebihan sebelum cukai	73,837,627	66,848,318
<i>Pelarasan bagi:</i>		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	4,348,993	4,488,883
Elaun hutang rugu bagi pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman	22,363,164	18,426,765
Hutang lapuk dan pembiayaan dihapuskira	(20,140,356)	(8,857,545)
Faedah tergantung	1,812,619	5,891,813
Untung dari penjualan harta tanah, loji dan peralatan	(222,871)	(39,869)
Untung dari penjualan harta tanah dihalang tebus	-	(215,771)
Elaun kemerosotan masuk kira semula berhubung pengurangan nilai dalam pelaburan sekuriti	81,655	(110,124)
Pendapatan dividen	(138,695)	(230,080)
<b>LEBIHAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA</b>	<b>81,942,136</b>	<b>86,202,390</b>
<i>Perubahan modal kerja:</i>		
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain pinjaman	(199,046,732)	(470,829,121)
Pelbagai penerimaan	(10,933,117)	14,981,084
Pelbagai belum bayar dan akruan	(12,807,257)	(12,041,864)
<b>TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI</b>	<b>(140,844,970)</b>	<b>(381,687,511)</b>
Bayaran cukai	(17,610,278)	(23,001,516)
<b>TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN)/DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>	<b>(158,455,248)</b>	<b>(404,689,027)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian aset tetap	(6,071,773)	(2,968,585)
Pembelian sekuriti pelaburan	42,243,921	(46,336,868)
Pelaburan dalam Dana Amanah	(109,026)	(104,404)
Dividen diterima daripada pelaburan sekuriti	138,696	230,080
Perolehan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan	351,724	41,980
Perolehan daripada penjualan harta tanah dihalang tebus	-	547,000
<b>TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN)/DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>	<b>36,553,542</b>	<b>(48,590,797)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Perolehan daripada penerbitan saham	18,000,000	17,000,000
Pengeluaran/(bayaran balik) peminjaman bersih	82,728,647	493,023,537
Dividen dibayar	-	(19,000,000)
<b>TUNAI BERSIH (DIGUNAKAN)/DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>	<b>100,728,647</b>	<b>491,023,537</b>

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

	<b>2014</b> RM	<b>2013</b> RM
(Kurangan)/ Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(21,173,059)	37,743,713
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	47,792,765	10,049,052
<b>TUNAI DAN TUNAI KESETARAAN PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>26,619,706</b>	<b>47,792,765</b>
<i>Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:-</i>	<b>2014</b> RM	<b>2013</b> RM
Tunai dan baki dalam bank	21,876,660	29,383,354
Overdraf bank	(892,182)	(676,703)
Deposit	5,635,228	19,086,114
	<b>26,619,706</b>	<b>47,792,765</b>

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **1. MAKLUMAT AM**

Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah ditubuhkan pada 15 Jun 1955 dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955 yang telah dimansuhkan dan kemudian dikanunkan semula dengan Enakmen Perbadanan Pinjaman Sabah No. 22 Tahun 1981.

Perbadanan berperanan memajukan pembangunan ekonomi Negeri Sabah dengan menyediakan kemudahan:-

- i. Pinjaman kewangan dalam bidang pertanian, perusahaan, perumahan,
- ii. pembangunan luarbandar dan bandar, pembangunan kemudahan-kemudahan awam dan persendirian, dan perusahaan lain seumpamanya,
- iii. untuk menggalakkan pelaburan persendirian di Sabah dengan modal tempatan atau luar.

Pejabat urusan dan perniagaan terletak di Wisma PPS bertempat di Pekan Baru Donggongan, Penampang dan di semua pusat pelanggan daerah yang terdapat di seluruh Negeri Sabah.

Perbadanan telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus Pusat Transformasi Bandar, Sabah.

Tidak terdapat perubahan dalam objektif atau aktiviti utama Perbadanan dan Kumpulan pada tahun kewangan ini.

### **2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Perbadanan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko mudah tunai dan risiko aliran tunai, yang timbul dari aktiviti perniagaannya.

Pada keseluruhannya, matlamat pengurusan risiko kewangan Perbadanan adalah untuk memastikan supaya Perbadanan dapat menjamin nilai pulangan maksima kepada pemegang-pemegang Saham dengan meminimakan kesan-kesan negatif risiko yang mungkin menggugat pencapaian Perbadanan terhadap kedudukan prestasi kewangan dan aliran tunai.

#### a) **Risiko Kadar Faedah**

Perbadanan membiayai operasinya melalui aliran tunai yang diperolehi melalui operasi dan pinjaman. Selain daripada pinjaman dari Kerajaan Negeri Sabah, Perbadanan juga mempunyai pinjaman dari bank-bank dengan kadar faedah yang berbeza dan kadar faedah tetap. Matlamat Perbadanan adalah untuk memperolehi pulangan kadar faedah yang boleh mendatangkan lebihan disamping dapat menampung kos faedah bagi semua jenis pinjaman.

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan yang diakibatkan oleh kegagalan pihak peminjam untuk membayar balik pinjaman. Risiko ini timbul terutamanya daripada aktiviti pemberian pinjaman.

Pendedahan utama kepada risiko kredit adalah melalui pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Jumlah pendedahan kredit diwakili oleh jumlah dibawa asset dalam lembaran imbangan.

Objektif utama pengurusan risiko kredit ialah untuk meminimakan pendedahan Perbadanan kepada risiko kredit dengan memastikan adanya kemampuan dan keupayaan kewangan menampung kerugian kewangan yang mungkin dialami.

Perbadanan telah membentuk dasar kredit dan menuhuhan Jawatankuasa Penilai Permohonan Pinjaman (JKPP) yang komprehensif. Dasar Kredit itu yang menyepadukan sistem penggredan kredit dalamannya. Sistem penggredan kredit menentukan tahap kemampuan pelanggan, manakala JKPP mentaksirkan permohonan pinjaman yang memerlukan kelulusan Ahli-Ahli Perbadanan.

Bagi mengurangkan risiko kredit yang dihadapi oleh Perbadanan, satu kumpulan mencegah pinjaman tidak berbayar telah ditubuhkan dan proses-proses yang memberi petunjuk mengenai suatu pinjaman yang bakal menjadi pinjaman tidak berbayar diwujudkan.

#### c) **Risiko Mudah Tunai**

Risiko mudah tunai adalah berkaitan dengan keupayaan untuk mengekalkan aset mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangan apabila diperlukan.

Perbadanan mengamalkan konsep pengurusan risiko mudah tunai yang berhemat dengan mengawal tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi melalui beberapa kemudahan kredit terikat.

### **3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan dan yang diluluskan seperti mana yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan mematuhi peruntukan Enakmen Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah No. 22 Tahun 1981.

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA**

#### **(a) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul.

Tanah pegangan kekal dengan masa manfaat tidak terhad dan kerja dalam proses yang belum sedia untuk penggunaan tidak disusut nilaiakan. Tanah dengan jangkamasa pajakan melebihi 50 tahun dikelaskan sebagai tanah pegangan pajak jangka panjang.

##### *Susutnilai*

Kaedah garis lurus digunakan untuk menyusutnilaikan kos aset-aset sepanjang anggaran hayat bergunanya pada kadar tahunan seperti berikut:-

Tanah pegangan pajak	0.11% ke 2.326%
Bangunan	2% - 10%
Kenderaan	20%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Peralatan komputer	20%

Suatu aset tetap adalah dinyahikirafkan apabila dilupuskan yang memberi atau tidak memberi manfaat ekonomi masa depan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil penjualan bersih, jika ada, dan nilai tercatat bersih, diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### **(b) Rosot nilai Aset**

Amaun dibawa aset Perbadanan, selain daripada aset kewangan dan aset cukai tertunda, disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbangian untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda rosot nilai.

Jika tanda-tanda tersebut wujud, maka amaun boleh pulih aset tersebut akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf sekiranya amaun dibawa sesuatu aset atau unit penjanaan tunai di mana ia tergolong melebihi amaun boleh pulihnya. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Amaun boleh pulih adalah amaun yang lebih tinggi diantara harga jualan bersih aset dan nilai sedang digunakan.

Dalam menaksir nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskon sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset. Bagi aset yang tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas, amaun boleh pulih adalah ditentukan untuk unit penjanaan tunai yang mana aset tersebut tergolong.

Kerugian rosot nilai hanya akan diambilkira semula sekiranya amaun dibawa aset tersebut tidak melebihi amaun dibawa yang akan ditentukan, setelah ditolak susutnilai atau pelupusan, sekiranya tidak ada rosot nilai yang diiktiraf dalam penyata pendapatan..

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**

#### **(c) Pelaburan dalam Entiti terkawal bersama**

Kumpulan dianggap sebagai suatu entiti dalam terkawal bersama, perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain di mana terdapat kontrak persetujuan dalam perkongsian kawalan terhadap Kumpulan dengan satu atau lebih pihak dimana keputusan kewangan dan operasi strategik berkaitan dengan kawalan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.

Pelaburan dalam entiti terkawal bersama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Jika terdapat petunjuk rosotnilai, amaun dibawa pelaburan akan dinilai. Penurunan nilai akan dibuat jika amaun dibawa melebihi amaun boleh pulihnya. Kepentingan Kumpulan dalam entiti terkawal bersama diambilkira dalam Penyata Kewangan Disatukan melalui kaedah perakaunan ekuiti.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan hasil daripada keputusan usahasama dalam Penyata Pendapatan.

#### **(d) Sekuriti Pelaburan**

Sekuriti dagangan adalah diiktiraf pada nilai saksama bersama dengan perubahan dalam nilai saksama semasa yang diiktiraf dalam perolehan

Pelaburan dalam saham amanah dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi sebarang pengurangan nilai kekal.

Pada penyahiktirafan atau pelupusan sesuatu pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa adalah dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

#### **(e) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Perbadanan telah menggunakan kaedah tak langsung untuk pelaporan aliran tunai daripada aktiviti kendalian.

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan dan bank, overdraf bank dan deposit yang disimpan dibank yang mempunyai tempoh matang kurang dari satu bulan.

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**

#### **(f) Peruntukan Hutang Lapuk and Ragu**

Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan untuk hutang lapuk dan ragu.

Peruntukan hutang lapuk dan ragu dan juga dikira bersesuaian dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM/GP3). Seperti tahun-tahun sebelumnya, pihak Perbadanan telah melaksanakan dasar klasifikasi yang lebih ketat ke atas pembiayaan tidak berbayar. Pembiayaan dikelaskan sebagai pembiayaan tidak berbayar dan kurang lancar apabila tiada pembayaran di terima lebih dari 3 bulan dari hari pertama ingkar atau selepas tarikh matang.

Oleh kerana itu, Perbadanan juga telah menerima pakai asas yang lebih ketat untuk peruntukan khusus atas pembiayaan tidak berbayar dengan memperuntuk lima puluh peratus (50%) peruntukan khusus atas pembiayaan tidak berbayar bagi tempoh ingkar empat (4) bulan dan kurang daripada tujuh (7) bulan tunggakan. Kaedah ini mencerminkan dasar peruntukan lebih bijaksana untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Peruntukan hutang lapuk dan ragu dibuat untuk risiko khusus dan berkaitan dengan pinjaman atau penghutang yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang lapuk atau hutang ragu.

Peruntukan am berasaskan peratusan jumlah pinjaman belum dijelaskan, faedah tergantung bersih dan peruntukan khusus untuk pinjaman tidak berbayar dan hutang lapuk dan ragu dibuat untuk menampung kemungkinan berlakunya kerugian yang tidak dikenal pasti secara khusus.

Pinjaman yang tidak dapat dikutip atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk dihapus kira selepas mengambil kira nilai boleh tunai cagaran, jika ada, dan pada pandangan pihak pengurusan, tiada kemungkinan bayaran balik.

#### **(g) Pinjaman daripada Cagamas**

Pinjaman daripada Syarikat Cagamas Berhad yang diperolehi melalui perantaraan kewangan (Bank atau Institusi Kewangan) menggunakan kaedah penjualan dan pembelian balik portfolio pinjaman gadai janji. Kemudahan ini berdasarkan kepada bantuan pinjaman penuh. Perbadanan dihendaki membeli balik pinjaman yang tertunggak dan mengantikannya dengan menjual semula pinjaman yang berbayar. Pembelian balik dan penjualan semula ke atas pinjaman gadai janji dibuat melalui kontrak perjanjian. Bayaran balik pinjaman dibuat mengikut tempoh dan kadar faedah yang ditetapkan dalam jadual bayaran balik pinjaman. Faedah untuk pinjaman yang dibayar diambil kira dalam Penyata Pendapatan sebagai perbelanjaan faedah dalam tahun kewangan yang berkenaan.

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**

#### **(h) Pengiktirafan Pendapatan**

##### *Pendapatan Faedah*

Pendapatan Faedah daripada pinjaman, selain daripada pinjaman sewa beli, diambil kira berdasarkan kepada asas akruan samada secara bulanan atau harian dengan merujuk kepada tempoh tangguh yang disyaratkan dalam perjanjian pinjaman. Pendapatan faedah daripada pinjaman sewa beli diiktiraf menggunakan kaedah angka hasil tambah tahun. Pendapatan daripada pembiayaan perbankan islam diiktiraf menggunakan asas akruan menurut Prinsip Shariah.

Apabila suatu akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar, faedah terakru yang diiktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh akaun tersebut dikelaskan sebagai tidak berbayar akan dikeluarkan daripada pendapatan dan ditolak selesai dengan akaun faedah belum terima terakru di dalam lembaranimbangan. Selepas itu, faedah pinjaman tidak berbayar itu akan diiktiraf sebagai pendapatan pada asas tunai. Akaun pelanggan akan dianggap sebagai tidak berbayar apabila tunggakan pembayarannya adalah melebihi 4 bulan keatas.

##### *Pendapatan Dividen*

Pendapatan dividen adalah diiktiraf apabila ia telah diterima.

##### *Pendapatan Sewaan*

Pendapatan sewa adalah diiktiraf mengikut asas akruan berdasarkan kepada perjanjian sewa.

#### **(i) Manfaat Perkerja**

##### *Manfaat Jangka Pendek*

Manfaat jangka pendek seperti upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan diberikan oleh pekerja-pekerja Perbadanan. Ketidakhadiran terpampas terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang mana juga meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terpampas masa hadapan dan ketidakhadiran terpampas tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

##### *Pelan Caruman Ditentukan*

Seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang, Perbadanan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan caruman-caruman tersebut diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan yang telah dibuat di dalam penyata pendapatan.

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **4. DASAR - DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**

#### **(j) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan atas lebihan atau kerugian tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda, dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan perlu dibayar diatas pendapatan boleh cukai untuk tahun semasa dan dikira berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh lembaran imbangan dan mana-mana pelarasan ke atas perlu bayar bagi tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, dimana perbezaan sementara di antara asas cukai aset dan liabiliti dengan amaun dibawanya di dalam penyata pendapatan. Pada dasarnya liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh cukai manakala aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh kurang cukai dan kerugian cukai belum guna yang bermungkinan wujudnya untung boleh cukai berbanding dengan perbezaan sementara boleh kurang cukai dan kerugian cukai belum guna yang boleh digunakan.

Peruntukan cukai tertunda dikira mengikut cara yang dijangkakan dalam perolehan atau penyelesaian amaun dibawa aset atau liabiliti tersebut, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh lembaran imbangan tersebut.

# PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

---

### 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2014	Kerja dalam proses	Tanah milik pajak	Bangunan	Perabot dan peralatan pejabat	Kenderaan bermotor	Peralatan komputer	Aset Bernilai Rendah	Jumlah
Kos	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	6,739,798	11,246,400	30,758,118	3,959,184	2,983,896	14,006,454	20,183	69,714,033
Pindaan	-	-	-	-	-	-	-	-
Tambahan	332,612	-	4,342,437	241,394	614,516	572,222	568	6,103,749
Penjualan/Dihapus kira	(6,614,074)	(30,000)	(325,275)	(1,019,790)	(89,750)	(1,032,323)	(109)	(9,111,321)
Pada 31 Disember 2014	458,336	11,216,400	34,775,280	3,180,788	3,508,662	13,546,353	20,642	66,706,461
<b>Susut nilai terkumpul</b>								
Pada 1 Januari	-	1,345,820	8,380,482	3,356,130	1,790,667	10,992,144	20,183	25,885,426
Caj bagi tahun berkenaan	-	151,627	1,210,779	306,345	434,961	2,244,713	568	4,348,993
Penjualan	-	(1,608)	(226,109)	(986,595)	(5,983)	(1,032,247)	(109)	(2,252,651)
Pada 31 Disember 2014	-	1,495,839	9,365,152	2,675,880	2,219,645	12,204,610	20,642	27,981,768
<b>Nilai buku bersih</b>								
Pada 31 Disember 2014	458,336	9,720,561	25,410,128	504,908	1,289,017	1,341,743	-	38,724,693
Pada 31 Disember 2013	6,739,798	9,900,580	22,377,636	603,054	1,193,229	3,014,310	-	43,828,607
Susut nilai bagi tahun 2013	-	151,656	1,129,096	349,752	514,315	2,340,761	3,303	4,488,883

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

	<b>2014</b>	<b>2013</b>
Nilai buku bersih tanah pegangan pajak terdiri dari:	RM	RM
Tanah pegangan pajak jangka panjang	9,698,433	9,877,288
Tanah pegangan pajak jangka pendek	22,128	23,292
 PADA 31 DISEMBER	 9,720,561	 9,900,580

Geran-geran tanah bagi tanah dan bangunan pegangan pajak berjumlah RM1,200,000 (2013: RM3,798,556) adalah dalam proses pendaftaran di bawah nama Perbadanan.

Semua aset telah dicagarkan kepada bank-bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Perbadanan.

Dua buah bangunan yang dimiliki oleh Perbadanan telah diubahsuai menjadi Pusat Transformasi Bandar Sabah.

### **6. PELABURAN DALAM ENTITI KAWALAN BERSAMA**

	<b>2014</b>	<b>2013</b>
	RM	RM
Saham tidak disebutharga, pada kos	125,000	125,000
Modal yang dilaburkan	7,998,199	7,998,199
Bahagian Perbadanan dalam entiti kawalan bersama	(1,217,624)	3,656,522
	<b>6,905,575</b>	<b>11,779,721</b>

<b>Nama Syarikat</b>	<b>Faedah Berkesan</b>		<b>Activiti Utama</b>	<b>Tempat Perbadanan</b>
	<b>2014</b>	<b>2013</b>		
Bayview Properties Sdn Bhd	50%	50%	Pembangunan dan Pembinaan	Malaysia

Lembaran Imbangan bagi bahagian Perbadanan dalam entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

	<b>2014</b>	<b>2013</b>
	RM	RM
Aset Tidak Semasa	3,811,384	3,521,543
Aset Semasa	1,738,947	11,926,490
Liabiliti Tidak Semasa	(166,435)	-
Liabiliti Semasa	(6,476,520)	(11,666,511)
 ASET BERSIH	 (1,092,624)	 3,781,522

# **PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH**

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

---

### **6. PELABURAN DALAM ENTITI KAWALAN BERSAMA (SAMBUNGAN)**

Penyata pendapatan bagi bahagian Perbadanan dalam entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

	<b>2014</b> <b>RM</b>	<b>2013</b> <b>RM</b>
Hasil	(4,096,025)	5,757,622
Perbelanjaan	1,341,582	(3,802,930)
 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	 (2,754,443)	 1,954,692
Cukai	199,884	(181,771)
 LEBIHAN SELEPAS CUKAI	 (2,554,559)	 1,772,921

### **7. PELBAGAI PENERIMAAN**

	<b>2014</b> <b>RM</b>	<b>2013</b> <b>RM</b>
Lain-lain penerimaan, deposit dan prabayar	7,568,542	489,033
Pusat Transformasi Bandar Sabah	1,343,721	33,518
Harta tanah dihalang tebus	413,608	413,608
 PADA 31 DISEMBER	 <b>9,325,871</b>	 <b>936,159</b>

Perbadanan telah dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus Pusat Transformasi Bandar Sabah. Pusat ini telah memulakan pra-operasinya pada 16 Disember 2013, pelancaran telah diadakan pada 23 Januari 2014 diikuti dengan pembukaan rasmi yang telah dijalankan pada bulan 15 November 2014 .

Perbelanjaan untuk operasi Pusat Transformasi Bandar Sabah dianggap sebagai bayaran bagi pihak dan perbelanjaan tersebut akan dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia.

# PERBADANAN PINJAMAN NEGERI SABAH

(Ditubuh dibawah Ordinan Perbadanan Pinjaman 1955, seperti yang dipinda)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

---

### 8. PELABURAN

	2014 RM	2013 RM
<b>PELABURAN SIAR HARGA DALAM MALAYSIA</b>		
Kos	5,097,385	4,988,359
TOLAK: PERUNTUKAN ROSOTNILAI DALAM PELABURAN SIAR HARGA	(1,261,269)	(1,165,842)
JUMLAH PELABURAN SIAR HARGA	<hr/> 3,836,116	3,822,517
NILAI PASARAN SEKURITI	3,836,116	3,822,517
<b>PELABURAN DALAM UNIT AMANAH</b>		
NILAI SEKURITI PELABURAN KONVENTIONAL	296,141	1,057,091
NILAI SEKURITI PELABURAN ISLAMIK	27,612,553	69,095,524
JUMLAH PELABURAN DALAM UNIT AMANAH	<hr/> 27,908,694	70,152,615
JUMLAH KESELURUHAN PELABURAN	<hr/> <b>31,744,810</b>	<b>73,975,132</b>

---

### 9. DEPOSIT

	2014 RM	2013 RM
<i>Deposit tetap</i>		
Bank berlesen	<b>5,635,228</b>	<b>19,086,114</b>

---

### 10. PEMBIAYAAN, PENDAHULUAN DAN LAIN – LAIN PINJAMAN

	2014 RM	2013 RM
